

Masa lepas tidak akan kembali, oleh itu kita tidak dapat mengubahnya. Masa ini akan berlalu pergi jua, namun esok masih ada untuk kita membentuknya mengikut acuan kita.

S Rajaratnam, Menteri Luar (pengasas) Singapura
Ucapan semasa perasmian Persidangan Belia Negara, 16 Julai 1982


ALIRAN MASUK & KELUAR DI TEMASEK

Kami memiliki dan mengurus aset kami dengan penuh integriti dan semangat sebagai pelabur yang aktif, institusi yang memandang ke depan dan pengelola yang dipercayai

Penjualan Pelaburan

Hasil bersih daripada jualan aset merupakan sumber utama dana kami.

Purata penjualan pelaburan kami adalah sebanyak S\$18 bilion sepanjang lima tahun yang lepas.



Pinjaman Bank

Kami boleh membuat pinjaman daripada bank untuk memenuhi keperluan tertentu.

SUMBER DANA KAMI



Pemegang Saham Kami

Menteri Kewangan¹ sebagai pemegang saham kami, boleh menyuntik dana atau aset² baharu.



Dividen dan Agihan

Syarikat portfolio kami merupakan sumber dividen, manakala pelaburan dana mengagihkan hasilnya dengan sebahagian besarnya dalam bentuk tunai.

Dividen kami berjumlah purata kira-kira S\$8 bilion setahun sepanjang lima tahun yang lepas.



Instrumen Hutang


Bon Temasek memberi kami capaian kepada dana jangka panjang sementara kami mempergunakan Kertas Perdagangan Euro kami untuk memenuhi keperluan jangka pendek.

TEMASEK

Kos Pelaburan & Kos Berkaitan³


Kami melabur dalam arah aliran jangka panjang yang menyumbang kepada dunia yang lebih baik, lebih pintar dan lebih terhubung.

Sepanjang lima tahun lepas, pelaburan kami berjumlah purata kira-kira S\$26 bilion setiap tahun.



Cukai

Kami membayar cukai⁴ di beberapa buah negara. Cukai sedemikian dapat membiaya perkhidmatan awam dalam bidang kuasa masing-masing, atau menokok lebihan dan simpanan mereka.



PENGGUNAAN DANA KAMI



Endowmen untuk Masyarakat

Kami melabur dalam masyarakat kami melalui derma dan pemberian endowmen.

Dividen kepada Pemegang Saham

Kami membayar dividen kepada pemegang saham kami, iaitu Menteri Kewangan¹, sebagai sebahagian daripada disiplin kewangan kami.

Dalam tempoh tahun 2000 hingga 2015, hingga 50% daripada dividen kami, yang juga dikenali sebagai NII⁵, boleh dibelanjakan oleh Pemerintah Singapura.

Sumbangan sedemikian dapat membiaya Pakej Generasi Perintis 2014.



SEBAHAGIAN BESAR PUNCA DANA KAMI ADALAH DARIPADA PORTFOLIO KAMI

KAMI TIDAK MENGURUS



Tabungan Simpanan Pekerja (CPF) Singapura



Rizab Pemerintah Singapura



Rizab Asing Singapura



Sumbangan⁶ NII⁵/NIR⁷

Mulai 2016, Temasek dipindahkan ke rangka kerja NIR⁷. Hingga separuh daripada jangkaan pulangan jangka panjang kami, tolak inflasi, boleh digunakan oleh Pemerintah Singapura untuk perbelanjaan belanjawan.

Kini, Sumbangan NII/NIR merupakan sumber terbesar untuk perbelanjaan belanjawan iaitu sebanyak 18% daripada Belanjawan Pemerintah 2018.




Imbas untuk meneroka Aliran Masuk dan Keluar Temasek atau layari www.temasekreview.com.sg/insandouts_bm

1 Di bawah Akta (Penuhutan) Menteri Kewangan Singapura (Bab 183), Menteri Kewangan ialah sebuah badan yang ditubuhkan, yang memiliki saham dalam syarikat bagi pihak Pemerintah Singapura.
2 Ini termasuk portfolio permulaan sebanyak S\$354 juta daripada 35 buah syarikat untuk membentuk Temasek pada 1974.
3 Kos berkaitan merangkumi perbelanjaan operasi dan pembiayaan; kos transaksi seperti usaha wajar, undang-undang, audit, nasihat dan bayaran-bayaran lain; bayaran pengurusan dana untuk pendanaan; dan kos perniagaan yang lain.

4 Temasek membayar cukai sebagaimana syarikat biasa lain yang boleh meraih untung, tidak seperti dana kekayaan negara, yang boleh menuntun pengecualian daripada cukai negara.
5 NII ialah Pendapatan Bersih Pelaburan yang terdiri daripada dividen sebenar dan pendapatan faedah.
6 MAS dan GIC telah disertakan dalam rangka kerja NIR mulai 2009.
7 NIR ialah Pulangan Bersih Pelaburan berdasarkan jangkaan kadar pulangan jangka panjang daripada aset bersih, tolak inflasi.

MEMBAWA PERBEZAAN

Di Temasek, kami berusaha mencapai kecemerlangan sebagai pelabur, melakukan dengan betul sebagai institusi, dan melaksanakan dengan baik akhirnya sebagai pengelola bagi masyarakat yang lebih luas merentasi semua generasi.



Program Play-Ability

Para sukarelawan dan individu hilang upaya bertemu setiap minggu untuk bersukan dan berseronok beriadah di bawah Program Play-Ability.

Imbas untuk menonton video atau layari www.temasekreview.com.sg/playability_bm



Inisiatif LIFE (Learning Is Fun and Exciting)

Di bawah program LIFE, kanak-kanak di pusat penjagaan pelajar mendapat kemahiran hidup melalui bantuan kurikulum berasaskan nilai.

Melupuskan Sisa Makanan

Para saintis di Universiti Nasional Singapura dan para petani tempatan membiakkan alat askar hitam untuk mengitar semula sisa makanan menjadi baja dan makanan haiwan.

Perbincangan Meja Bulat Stewardship Asia 2018

Menghimpunkan para pemimpin dari syarikat dan perniagaan keluarga, pelabur dan institusi untuk mempromosikan prinsip dan amalan pengelolaan.

Menjalinkan Hubungan dengan Ketua Belia Masyarakat

Menghimpunkan belia yang mampu membawa perubahan, dari seluruh dunia, untuk menghadiri dialog antara generasi tentang cara mengukuhkan masyarakat.

Program Pengangkutan Berbilang Mod

Program yang dilaksanakan di Pune, India ini menyasarkan untuk mendapatkan bantuan lebih kurang 100 pegawai kerajaan dalam pengangkutan berbilang mod dan operasi metro bagi membangunkan hala tuju sistem pengangkutan bandar.

Menangani Penyakit Ginjal Peringkat Akhir

Para penyelidik perubahan di Duke-NUS Medical School menjalankan penyelidikan bagi membantu pesakit yang menghidap kegagalan buah pinggang peringkat akhir dalam meneroka dan memahami pilihan lain bagi rawatannya.

TEMASEK FOUNDATION Management Services

Perkhidmatan Pengurusan, Perkongsian Pengetahuan



Imbas untuk mengetahui lebih lanjut tentang Yayasan Temasek atau layari www.temasekreview.com.sg/touchinglives_bm



Imbas untuk menonton video atau layari www.temasekreview.com.sg/t-touchpainting_bm